



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;  
IBRAH MIKRAJ SEGAR  
SEPANJANG HAYAT



ISLAMIC SALVAGEUR OBEDIENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





**"IBRAH MIKRAJ SEGAR SEPANJANG HAYAT".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَا جَعَلْنَا الرَّعِيَا أَلَّتِي أَرَيْنَكَ إِلَّا فِتْنَةً لِلنَّاسِ وَالشَّجَرَةَ الْمَلْعُونَةَ فِي الْقُرْآنِ وَنُحُوفُهُمْ فَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَانًا كَبِيرًا</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَارَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita diberikan kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Marilah sama-sama kita hayati khutbah pada hari ini yang bertajuk <b>"IBRAH MIKRAJ SEGAR SEPANJANG HAYAT."</b></p> <p><b>Hadirin sekalian,</b></p>	6



Dalam perjalanan Israk dan Mikraj ini, Nabi SAW singgah di lima tempat mendirikan solat. Yathrib dan Madyan, Tur al-Sina , Baitul Lahm dan Baitulmaqdis. Singgah di lima tempat sebagai gambaran awal lima waktu solat. Baginda mengimamkan para nabi menunjukkan baginda adalah Sayyidul Anbiya' (penghulu para nabi).

7

Dalam perjalanan luar biasa ini, baginda melihat peristiwa berupa balasan kepada amal baik dan balasan kepada amal buruk, yang menyentuh persoalan iman kepada perkara ghaib, berkaitan ibadah solat, harta, amanah dan tanggungjawab, berkaitan anggota manusia khususnya mulut dan berkaitan dengan wanita.

Baginda dijemput untuk menerima perintah solat. Asalnya dari 50 waktu sehari semalam. Atas nasihat Nabi Musa, Nabi berulang kali minta dikurangkan sehingga menjadi 5 waktu, kemudian Allah berfirman "itulah kefarduan 5 waktu tetapi pahalanya tetap 50 waktu".

8

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Allah tahu kita tidak akan mampu melakukan 50 waktu itu. Allah letakkan lima puluh awalnya, supaya kita bersyukur diatas rahmat tuhan ini, tetapi kebanyakan manusia tidak menghargainya dan tidak bersyukur. Layak benarlah kepala mereka dihentam dengan batu seperti yang dilihat oleh Rasulullah SAW. Dihentak kepala mereka, sesungguhnya mereka menjerit kesakitan yang amat dahsyatnya.

9



Di akhirat bukan tempat mati sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-A'la ayat 13:

ثُمَّ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ

*"Selain dari itu, ia tidak mati di dalamnya dan tidak pula hidup senang."*

10

Orang yang tidak solat, hidupnya didunia tidak mendapat barakah, tidak pernah bahagia dan tenang walaupun dia memiliki rumah besar, kereta besar dan jawatan besar. Di Akhirat nanti mereka akan disiksa. Orang yang meninggalkan solat bererti berani melawan Allah, sama seperti orang kafir.

11

Hadis daripada Jabir bin Abdullah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكَفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةِ

*"Yang membezakan antara seorang hamba (yang mukmin) dengan seorang yang kafir, iaitu meninggalkan solat".*

*(Riwayat Muslim).*

12

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Realitinya ramai orang Islam yang tidak solat, ini antara sebab Allah SWT murka dan menurunkan balanya. Solat itu syarat sahnya iman. Sekiranya tidak solat, maka amalan-amalan lain akan tergantung dan tidak diterima.

13



**Hadirin Jumaat yang dirahmati,**

Dalam Israk Mikraj juga, Nabi SAW melalui situasi mereka yang memakan daging yang busuk dan meninggalkan daging yang elok. Lalu Jibril menerangkan inilah golongan yang bergelumang dengan zina walaupun telah ada isteri atau suami yang halal.

14

Berzina adalah perbuatan yang keji dan jijik. Nafsu yang terkawal yang tidak melakukan zina, merupakan kemuliaan dan kehormatan umat islam itu sendiri. Dalam islam orang yang belum berkahwin, jika berzina dikenakan seratus kali sebatan dan orang yang sudah berkahwin, berzina dikenakan hukum rejam sampai mati. Begitulah besarnya dosa berzina.

15

Apabila berzina dihukumkan haram, maka perkara yang membawa kepada zina juga adalah haram. Agar unsur yang memungkinkan berlakunya zina dapat terhalang dengan segera, kaedah Usul Fiqh berbunyi "سَدُّ الدَّرَائِعِ وَدَرْءُ الْمَفَاسِدِ" digunapakai iaitu menutup jalan-jalan yang membawa kepada zina dan tidak melakukan apa-apa cara yang membawa kepada berlakunya zina

16

. Inilah yang dimaksudkan firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

17



<p><i>"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).</i></p>	18
<p><b>Muslimin sekalian,</b></p> <p>Hari ini wanita menayangkan badannya melalui Facebook, Instagram, tiktok dan lain-lain. Yang sangat mendukacitakan, suami atau ibubapa pula tidak melarang malah sesetengahnya berasa bangga tanpa rasa bersalah.</p>	19
<p>Penzina lelaki dan perempuan akan diazab di Akhirat. Takutlah kepada api neraka dengan menjauhi maksiat. Didik dan awasilah anak-anak perempuan dan isteri-isteri kita dari menjadi penyebab zina dan menghampiri zina.</p>	20
<p>Dalam satu riwayat ketika mana Nabi SAW balik dari Mikraj dalam keadaan sugul di hadapan Fatimah sambil menceritakan ada sepuluh bentuk siksaan kepada wanita yang baginda lihat dalam neraka. Antaranya adalah kerana mendedahkan aurat, derhaka kepada suami, tidak mahu mandi wajib dan tidak mahu menunaikan solat.</p> <p><b>Hadirin jumaat yang dirahmati Allah,</b></p>	21



<p>Nabi SAW juga melihat golongan berkuku tembaga dan mencakar muka dan dada mereka, melihat lembu keluar dari lubang yang kecil kemudian cuba masuk tetapi tidak boleh.</p>	22
<p>Inilah antara bentuk seksaan terhadap manusia yang tidak menjaga lidah, cakap tanpa berfikir dahulu, cakap besar, cakap tidak serupa bikin, mengumpat, bawa mulut dan menabur fitnah.</p>	
<p>Nabi SAW diperlihatkan wanita yang berbentuk anjing dan berkepala seperti kepala babi dan badannya seperti badan keldai. Gambaran seksa kepada ahli fitnah, orang yang suka melagakan orang dan suka berdusta.</p>	23
<p><b>Hadirin jumaat yang dirahmati Allah,</b></p>	
<p>Nabi juga diperlihatkan golongan yang bercawat memakan duri-duri kayu, golongan yang berenang di dalam kolam darah sambil memakan batu dan dimakannya dengan paksa. Inilah seksaan kepada mereka yang memakan harta manusia secara haram. Termasuklah tidak membayar zakat, menyamun, mencuri dan makan harta orang lain.</p>	24
<p>Ada pula suara perempuan cantik yang memanggil dan menggoda Nabi, Inilah ujian dunia. Ramai yang terpengaruh dengan dunia kerana hiasan dunia. Tidak peduli halal haram termasuk memberi dan mengambil rasuah yang seakan perkara biasa hari ini.</p>	25



Akibat rasuah, negara dirugikan, kewibawaan hukum dilumpuhkan, dan masyarakat diperbodohkan. Rasuah menjadikan benar jadi salah, dan yang salah jadi benar. Gara-gara rasuah manusia menjadi mewah dan zalim. Kuasa dibeli dengan wang dan si miskin terus miskin.

26

**Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Pengajaran daripada khutbah kali ini sebagai pedoman hidup kita adalah:

1. Pengajaran Israk dan Mikraj sesuatu yang hendaklah menjadi peringatan dan ketakutan kita sepanjang kehidupan manusia di dunia.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa taat kepada Allah SWT, bersyukur, reda dan sentiasa bertaubat.
3. Kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan waspada dengan dunia yang melibatkan harta, wanita dan kedudukan kerana ini adalah punca terjerumusnya manusia ke neraka Allah SWT.

27

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ  
لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

28

*"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."*

29

(al-Baqarah : 188).





بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	17



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾</p>	<p>18</p>
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	<p>19</p>
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	<p>20</p>